

**PERANAN PERANTARA TERHADAP HUBUNGAN FAKTOR
PENGLIBATAN PENGURUS LINI DALAM INISIATIF SUMBER
MANUSIA DAN KEBERKESANAN *CONTINUOUS PROFESSIONAL
DEVELOPMENT* (CPD)**

MOHAMED AYYUB BIN HASSAN

**Laporan Disertasi ini dikemukakan sebagai memenuhi sebahagian daripada
syarat penganugerahan Sarjana Sains Pembangunan Sumber Manusia**

**Fakulti Pengurusan dan Pembangunan Sumber Manusia
Universiti Teknologi Malaysia**

MAC 2013

DEDIKASI ini ku nukilkan khas buat insan-insan yang banyak memberi sokongan dan dorongan sepanjang ku bergelumbang dalam dunia penghasilan disertasi ini.

Buat ayah (Hassan) dan ibu (Fatimah);

Kasih sayang serta kepercayaan yang diberikan selama ini tidak mampu ku balas dengan wang ringgit mahupun keringat. Cuma ku usahakan sedikit kudrat untuk menghasilkan disertasi ini agar segulung Ijazah Sarjana ini dapat memberi makna beerti buatmu ayah dan ibu. Aku juga mengharap doa daripada ayah dan ibu agar aku berjaya dengan cemerlang di dunia dan akhirat. AMIN.

Buat isteri (Rahmattun Niza) dan anak (Mohamad Arif Rayyan);

Pengorbanan dan kesetiaan yang diberikan sepanjang tempoh untuk menyiapkan disertasi ini adalah amat dihargai. Semoga ikatan lafaz dan ikatan darah ini kekal abadi dan dirahmati serta diberkati dalam menempuhi hari-hari yang mendatang. AMIN.

Buat teman seperjuangan (Beni, Tini, Jun, Sujanthi dan warga MHR);

Suka duka yang kita harungi dalam menyempurnakan sebuah janji untuk peroleh Ijazah Sarjana ini adalah memori yang tidak dapat dilupakan. Kenangan ini adalah satu ingatan yang berpanjangan.

Buat Penyelia Disertasi (Profesor Madya Dr. Nur Naha Abu Mansor);

Semoga segala ilmu yang dicurahkan dapat ku manfaatkan agar ia menjadi pelaburan yang tidak ternilai di dunia ini dan dunia mendatang. InsyaAllah. AMIN.

TERIMA KASIH SEMUA

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, bersyukur saya ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurniaNya dan berkat kesabaran yang tinggi, dapat jua saya menyempurnakan laporan lengkap disertasi Sarjana Sains Pembangunan Sumber Manusia dengan tajuk “Kesan peranan sumber manusia sebagai pengantara ke atas hubungan antara faktor penglibatan pengurus lini dalam inisiatif sumber manusia dan keberkesanan CPD” dengan jayanya.

Dikeempatan ini juga saya ingin mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada kedua ibu bapa, isteri dan anak saya kerana telah banyak memberi sokongan moral dan semangat kepada saya dalam menyiapkan tugas ini. Mereka adalah tunjang kejayaan saya hari ini.

Jutaan terima kasih beserta kalungan penghargaan kepada penyelia saya (Profesor Madya Dr. Nur Naha Abu Mansor) dan penilai saya (Dr. Shah Rollah dan Dr. Ungku Norulkamar) kerana sudi meluangkan masa, ilmu dan tenaga dalam membantu saya dalam menyiapkan laporan disertasi ini. Jasa dan pengorbanan kalian adalah amat dihargai.

Selain itu, saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Dr. Ahmad Jusoh kerana sudi membantu dalam penghasilan kajian ini. Tidak lupa juga kepada semua responden yang telah memberikan kerjasama dalam menyumbangkan maklumat bagi melengkapkan kajian ini.

Akhir kata, jutaan kemaafan dipinta kepada semua pihak andai ada tersalah kata dan terkhilaf tingkah laku sepanjang tempoh ini. Sekian Wassalam.

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan mengenalpasti kesan peranan sumber manusia dalam mengantara hubungan antara faktor penglibatan pengurus lini dalam inisiatif sumber manusia dan keberkesanan CPD. Berdasarkan kajian literatur, tiga faktor penglibatan pengurus lini dalam inisiatif sumber manusia telah dikenal pasti iaitu keinginan, efikasi sendiri dan sokongan sumber manusia. Manakala empat peranan sumber manusia yang digunakan sebagai pembolehubah pengantara adalah rakan kongsi strategic, pakar pentadbiran, juara pekerja dan ejen perubahan. Seramai 74 responden dari Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Skudai telah memberi maklum balas bagi kajian ini. Data dikumpul menggunakan borang soal selidik, sebelum dianalisis menggunakan statistik deskriptif dan multivariat untuk menjawab objektif kajian dan mengukur hubungan antara pembolehubah. Dapatan kajian menjelaskan bahawa faktor efikasi sendiri dan peranan pakar pentadbiran berada pada tahap yang paling tinggi di kalangan pengurus lini di UTM. Selain itu, hasil kajian juga menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang sederhana antara semua faktor penglibatan pengurus lini dalam inisiatif sumber manusia dan keberkesanan CPD. Tiga peranan sumber manusia iaitu rakan kongsi strategik, juara pekerja dan ejen perubahan dapat mengantara kesemua faktor penglibatan pengurus lini dalam inisiatif sumber manusia (keinginan, efikasi sendiri, sokongan sumber manusia) dengan keberkesanan CPD. Manakala peranan pakar pentadbiran hanya dapat mengantara satu faktor sahaja iaitu efikasi sendiri dengan keberkesanan CPD. Beberapa cadangan juga telah dikemukakan kepada pengkaji masa hadapan untuk menambahbaik kajian ini pada masa akan datang.

ABSTRACT

This study aims to identify the impact of the human resource roles to mediate the relationship between the involvement of line managers in human resource initiatives and the effectiveness of CPD. Based on the literature review, three factors of line manager's involvement in human resource initiatives were identified, namely desire, self-efficacy and support of human resource. While the four roles of human resources which are used as mediating variable are strategic partner, administrative expert, employee champion and change agent. A total of 74 respondents from Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Skudai gave feedback for this study. Data was collected using questionnaires, before analyzed using descriptive and multivariate statistics to answer the research objectives and the relationship between the variables. The findings show that self-efficacy factors and the role of administrative expert are at the highest level among line managers in UTM. Moreover, the results also showed that there was a moderate relationship between all the factors of line managers' involvement in human resource initiatives and the effectiveness of CPD. Three human resource roles which is strategic partner, employee champion and change agent can mediate all the factors line managers' involvement in human resource initiatives (desire, self efficacy, human resource support) with the effectiveness of CPD. While the role of administrative expert can mediate only a factor (self-efficacy) to the effectiveness of CPD. Several suggestions were also offered to future research.

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pengenalan

Kepentingan penglibatan pengurus lini dalam inisiatif sumber manusia telah dibahasakan semenjak lebih dua puluh tahun yang lalu (Martins, 2009). Pengkaji juga menjelaskan bahawa peranan pengurus lini atau pengurus pertengahan telah berubah daripada mengawal pekerja kepada memimpin pekerja untuk memberikan hasil atau produktiviti yang lebih baik. Keadaan ini membawa kepada penekanan beberapa terma seperti pemimpin pasukan (*team leader*) dan pengurus lini barisan hadapan (*front line-manager*), berbanding penggunaan terma penyelia, walaupun istilah 'penyelia' masih digunakan secara meluas sehingga kini. Walaupun begitu, tidak banyak kajian empirikal yang dilakukan dalam topik ini terutamanya perkaitan antara faktor penglibatan pengurus lini dalam inisiatif sumber manusia dan keberkesanan CPD (Anubama *et al.*, 2011 dan Siugzdinien, 2008).

Bab ini akan membincangkan aspek berkaitan latar belakang kajian dan penyataan masalah. Bab ini juga menyatakan tentang persoalan kajian, matlamat kajian, objektif kajian, hipotesis kajian, kepentingan kajian, skop kajian dan batasan kajian. Di akhir bab ini akan menerangkan tentang definisi konseptual dan definisi operasi bagi terma-terma yang digunakan.

1.2 Latar belakang kajian

Dato' Seri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak (2010) dalam ucapannya sempena pembentangan Rancangan Malaysia kesepuluh menyatakan bahawa persaingan modal insan pada masa kini menjadi semakin meningkat, di mana banyak negara, terutamanya negara maju, mengamalkan dasar keterbukaan yang komprehensif dalam usaha menarik modal insan yang cemerlang termasuk di kalangan rakyat Malaysia. Beliau juga menyatakan bahawa tenaga kerja mahir dan berpengetahuan tinggi merupakan *cutting edge* kepada daya saing negara. Beliau juga menambah bahawa majikan perlu bertanggungjawab untuk menyediakan usaha komprehensif dan fasiliti yang kondusif bagi melahirkan modal insan berkualiti tinggi sebagai anjakan ke tahap nilai ditambah dan produktiviti yang mantap.

Beliau juga menegaskan bahawa dengan menjaga kualiti pengeluaran produk atau perkhidmatan yang lebih baik menggunakan sumber manusia atau staf berkemahiran tinggi akan membantu negara untuk menjadi negara berpendapatan tinggi. Tanggapan bahawa Pembangunan Profesional Berterusan (CPD) yang merupakan sebahagian daripada proses pembelajaran sepanjang hayat, dengan jelas atau secara tersirat, telah berfungsi dengan mendedahkan pekerja dengan isu-isu terkini dalam industri. Berhubung perkara ini, Perdana Menteri, dalam ucapannya telah menyatakan bahawa peruntukan Rancangan Malaysia Kesepuluh bagi infrastruktur bukan fizikal akan meningkat kepada 40 peratus, berbanding dengan 21.8 peratus dalam Rancangan Malaysia Kesembilan. Fokus diberikan kepada program pembangunan kemahiran, aktiviti-aktiviti penyelidikan dan pembangunan serta pembiayaan modal teroka yang menjurus ke arah menggalakkan tahap inovasi yang lebih tinggi di negara ini (Dato' Seri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak, 2010).

Isu di sini ialah walaupun pelbagai peruntukan latihan telah dikeluarkan kepada kedua-dua sektor awam dan swasta sejak Rancangan Malaysia Kesembilan (Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, 2006), Malaysia masih menghadapi masalah defisit dalam staf berkemahiran tinggi. Aktiviti latihan dan pembangunan telah meningkat sejak peruntukan belanjawan memberikan penekanan yang khusus terhadap aktiviti ini, tetapi peningkatan pekerja mahir tidak sejajar dengan latihan

yang diberikan. Isu ini telah dibangkitkan sekali lagi dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh, di mana pembangunan modal insan adalah salah satu daripada teras utama yang diberikan penekanan penting dalam memacu negara untuk menjadi negara maju yang berdaya saing.

Penyusunan semula inisiatif pengurus lini dalam sektor awam dan penglibatan meluas mereka dalam proses membuat keputusan sumber manusia semakin mendapat perhatian disebabkan oleh permintaan perkhidmatan pelanggan yang lebih meluas dan pembaharuan nilai komersial. Peningkatan prestasi, fleksibiliti, ketelusan dan akauntabiliti di seluruh sektor awam telah membawa kepada pertimbangan semula penyediaan perkhidmatan oleh jabatan sumber manusia. Penglibatan pengurus lini dalam penyampaian aktiviti dan peranan sumber manusia juga dapat membantu ke arah pencapaian yang lebih strategik dengan pendekatan nilai tambah dalam menguruskan pekerja (McGuire *et al.*, 2008).

Walaupun begitu, Anubama *et al.*, (2011) dan Antila *et al.*, (2007) menyatakan bahawa terdapat kepercayaan bahawa akan terdapat lebih banyak pembangunan untuk pekerja jika pengurus lini terlibat secara langsung terhadap inisiatif sumber manusia, terutamanya pembelajaran dan pembangunan di tempat kerja. Menurut penyelidikan yang dilakukan oleh *Chartered Society of Physiotherapy* (2003), persekitaran yang memberi penekanan terhadap pembelajaran perlu diperkasakan untuk mengekalkan CPD pekerja. Oleh itu, dalam memupuk pembelajaran dan pembangunan pekerja, pengurus lini sebenarnya memupuk satu sistem sokongan untuk menggalakkan CPD pekerja.

Selain itu, Antonious (2011) menegaskan bahawa sokongan penyelia adalah perlu dalam menyemai kesediaan pekerja untuk melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti pembangunan. Gibb (2003) juga menyatakan bahawa penglibatan pengurus lini yang lebih meluas dalam pembelajaran dan pembangunan memudahkan pandangan yang positif terhadap pembelajaran sepanjang hayat, dengan itu boleh meningkatkan kualiti aktiviti sumber manusia kerana pengurus lini berada dalam kedudukan terbaik untuk memahami keperluan organisasi serta keperluan individu. Namun isunya adalah pengurus lini perlu terlibat secara langsung dalam inisiatif dan aktiviti sumber manusia dalam organisasi bagi membantu staf dari aspek

pembelajaran dan pembangunan sendiri dan kerjaya. Malah, Model Ciri-Ciri Sumber Manusia Strategik oleh McCracken dan Wallace (2000), mencadangkan bahawa salah satu faktor yang penting untuk membangunkan sumber manusia yang strategik ialah penglibatan dan komitmen pengurus lini.

Salah satu matlamat atau objektif utama inisiatif sumber manusia adalah pembelajaran dan pembangunan pekerja (Swanson dan Holton, 2001; Gilley *et al.*, 2002; Werner dan DeSimone, 2006). Oleh yang demikian, peranan pengurus lini dalam pembelajaran dan pembangunan pekerja perlu dikaji, disebabkan kepentingan yang semakin meningkat terhadap peranan pengurus lini di dalam inisiatif sumber manusia, di mana ianya telah dibincangkan secara teori dan retorik. Namun begitu tidak banyak penyelidikan dilakukan mengenai hubungan pengurus lini dan peranan sumber manusia dalam persekitaran kerja yang sebenar (Siugzdinien, 2008).

Kajian prestasi dan modal insan yang dijalankan oleh Hutchison dan Purcell, (2007) pula mendapati bahawa pengurus lini barisan hadapan adalah individu yang membantu perkembangan proses pembelajaran di kalangan pekerja. Kenyataan ini boleh disokong melalui Pembangunan Profesional Berterusan (CPD) pekerja, yang mana latihan formal yang dipohon atau dihadiri pekerja perlu disahkan dan disokong oleh pengurus lini. Pengkaji juga menyatakan bahawa pengurus lini berhak untuk menolak latihan tertentu jika latihan tersebut tidak akan memberi manfaat kepada organisasi.

Daripada aspek pekerja pula, sekiranya mereka berasakan mereka mempunyai hubungan yang positif dengan pengurus lini, mereka lebih terdorong untuk terlibat dalam aktiviti pembangunan seperti Program Pembangunan Diri (PDP) dan program Pembangunan Profesional Berterusan (CPD). Pekerja juga akan menjadi lebih positif terhadap kerja serta kurang mempertikaikan perkara yang berkaitan dengan kerja mereka (Hutchison dan Purcell, 2007). Pengurus lini juga akan memainkan peranan penting dalam aspek penyelarasan pengalaman pekerjaan di kalangan pekerja.

Walaupun banyak perhatian diberikan kepada pembangunan dasar-dasar sumber manusia, pada masa yang sama pelaksanaan semua dasar tersebut di tempat

kerja juga perlu diberi penekanan dan perhatian yang seimbang. Untuk memastikan praktis ini berjaya, beberapa pengkaji terdahulu telah cuba menggunakan metafora untuk menggambarkan hubungan pengurus lini terhadap strategi sumber manusia. Sebagai contoh, Currie dan Procter (2001) menggunakan konsep 'pin penghubung' dalam menghuraikan inisiatif pengurus lini dalam merealisasikan strategi sumber manusia dalam kajian yang dijalankan dalam Perkhidmatan Kesihatan Nasional (National Health Service) di United Kingdom. Metafora 'pin penghubung' ini membawa kepada pengenalan peranan baru pengurus lini sebagai rakan kongsi strategik dalam erti kata yang lain, pengurus lini mempunyai tanggungjawab dalam merapatkan jurang antara strategi sumber manusia dan pembangunan individu. Pengurus lini juga mempunyai tanggungjawab untuk membincangkan apakah kerangka latihan dan keperluan pembangunan pekerja (CPD) dan menilai sama ada ia akan menyumbang kepada keperluan organisasi.

Pelaksanaan CPD adalah lebih relevan kepada sasaran modal insan dalam tenaga kerja dan bukannya terhadap modal insan di dalam pendidikan formal (Werner dan DeSimone, 2006). Pengurus lini mempunyai peranan penting di sini untuk menjadi lebih proaktif terhadap pembelajaran dan pembangunan pekerja atau staf di bawah seliaan mereka. Oleh yang demikian, pengurus lini harus membantu serta menyokong usaha-usaha pekerja lain untuk meningkatkan ilmu pengetahuan dan pembangunan sendiri (Anubama *et al.*, 2011, Wang *et al.*, 2010, dan Gibb, 2003).

Secara ringkas, peranan pengurus lini amat penting bagi menjayakan pelaksanaan inisiatif sumber manusia, dan membantu organisasi untuk mencapai kelebihan daya saing (Currie dan Procter, 2001), di mana semua pekerja perlu terlibat dalam aktiviti pembelajaran dan pembangunan insaniah (CPD).

1.3 Pernyataan Masalah

Pengurus lini mempunyai peranan yang penting dalam melaksanakan inisiatif sumber manusia, kerana mereka merupakan pengurus yang bertanggungjawab untuk

melaksanakan amalan-amalan sumber manusia di peringkat pengeluaran produk atau penyediaan perkhidmatan (Qadeer *et al.*, 2011 dan Watson *et al.*, 2006). Aktiviti sumber manusia, termasuk latihan sentiasa menjadi sebahagian daripada tugas pengurus lini (Papalexandris dan Panayotopoulou, 2005). Pengurus lini juga dijangka dapat mewujudkan satu sinergi antara sumber manusia, kewangan dan fizikal dengan peruntukan masa, wang dan tenaga kepada pembangunan staf bawahan mereka (Larsen dan Brewster, 2003).

Isu Pertama

Bowen dan Ostroff (2004) pula menyatakan walaupun pengkaji terdahulu telah banyak menyumbang dalam mereka bentuk amalan sumber manusia yang berkesan, namun pelaksanaannya masih terhad. Keberkesanan aktiviti sumber manusia bukan sahaja bergantung kepada kualiti amalan sumber manusia, tetapi juga di atas kejayaan pelaksanaannya (Gratton dan Truss, 2003; Bowen dan Ostroff, 2004). Walaupun amalan sumber manusia dianggap berkesan, sistem sumber manusia mungkin masih tidak efektif. Ini disebabkan oleh pengurus lini tidak tahu bagaimana untuk melaksanakan inisiatif sumber manusia dan apa faktor-faktor yang mempengaruhinya di tempat kerja. Isu ini semakin mendapat perhatian sejak kebelakangan ini, kerana hakikat bahawa pengurus lini ialah nadi dan orang yang bertanggungjawab terhadap aktiviti teras pengurusan dan pembangunan modal insan. Pengurus lini juga perlu bertindak sebagai pemimpin, pemboleh cara dan pemudah cara bagi mewujudkan persekitaran di mana warga kerja boleh membangunkan potensi diri mereka (Martins, 2009).

Isu Kedua

Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak telah menyatakan bahawa hanya 23 peratus daripada tenaga kerja Malaysia adalah modal insan berkemahiran tinggi. Peratusan ini adalah jauh lebih rendah berbanding dengan negara-negara maju yang lain. Oleh yang demikian, pengurus lini perlu memainkan peranan yang penting dalam melahirkan modal insan berkemahiran tinggi. Ini adalah kerana pengurus lini adalah orang yang paling sesuai untuk mengenal pasti keperluan

latihan pekerja selain mengenal pasti apakah latihan yang diperlukan, dan menjadi pemacu dalam menggalakkan pemindahan latihan dalam organisasi (Nor Azlinda, 2010).

Kekurangan pekerja mahir di Malaysia menyebabkan peranan sumber manusia secara menyeluruh perlu dilaksanakan dengan lebih berkesan di tempat kerja, bukan hanya melaksanakan inisiatif pembangunan sumber manusia sahaja. Menurut Hay (2002), rasional utama pekerja meninggalkan pekerjaan mereka adalah disebabkan rasa tidak puas hati disebabkan ketidakjelasan dalam proses perkembangan kecekapan atau kemahiran mereka. Ini biasanya disebabkan oleh hubungan yang kurang baik di antara mereka dengan pengurus lini barisan hadapan. Oleh itu, walaupun amalan sumber manusia dipercayai berkesan, sistem dan sokongan sumber manusia mungkin masih tidak efisien, kerana pengurus lini tidak tahu bagaimana untuk melaksanakan amalan sumber manusia dengan jayanya di tempat kerja. Oleh itu, peranan pengurus lini dalam inisiatif dan peranan sumber manusia perlu diberi penekanan untuk memastikan bahawa inisiatif sumber manusia mencapai matlamatnya.

Isu Ketiga

Antonious (2011) dan Renwick *et al.*, (2002) menyatakan bahawa terdapat keengganan di kalangan pengurus lini untuk melibatkan diri dengan aspek-aspek sumber manusia yang tertentu. Harris *et al.*, (2002) pula mendapati bahawa pengurus lini tidak suka birokrasi yang terlibat dalam sistem pengurusan prestasi yang membawa kepada keengganan untuk menerima tanggungjawab untuk membuat keputusan dan pertimbangan. Redman *et al.*, (2010) juga mendapati bahawa pengurus lini juga tidak menyukai sistem pengurusan prestasi dengan menyatakan bahawa aktiviti pengurusan yang paling tidak disukai oleh pengurus lini ialah membuat penilaian prestasi staf mereka. Ini seterusnya membawa kepada pencapaian keberkesanan CPD yang rendah.

Isu Keempat

Sementara itu, penyelidikan oleh DeJong *et al.* (1999) mendapati bahawa pengurus lini boleh mengetepikan peranan latihan disebabkan kekurangan latihan dan ketidakselesaian terhadap keseluruhan konsep latihan. Malah, adalah penting juga untuk mengukur sekiranya terdapat juga pelbagai faktor yang menentukan atau mempengaruhi peranan pengurus lini dalam melaksanakan inisiatif sumber manusia dan keberkesanan pelaksanaan CPD. Faktor-faktor ini akan dibincangkan dengan lebih terperinci di dalam bab 2.

1.4 Persoalan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mendapatkan jawapan kepada soalan-soalan berikut;

- i. Apakah tahap faktor-faktor penglibatan pengurus lini dalam melaksanakan inisiatif sumber manusia?
- ii. Apakah peranan sumber manusia yang dominan di kalangan pengurus lini?
- iii. Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara faktor-faktor penglibatan pengurus lini dalam inisiatif sumber manusia dan keberkesanan CPD?
- iv. Adakah peranan sumber manusia dapat mengantara (mediate) hubungan antara faktor-faktor penglibatan pengurus lini dan keberkesanan CPD?

1.5 Matlamat Kajian

Kajian ini bertujuan untuk membincangkan dan mengenal tahap faktor-faktor penglibatan pengurus lini dalam inisiatif sumber manusia. Selain itu, kajian ini juga melihat hubungan signifikan antara faktor-faktor penglibatan pengurus lini dalam inisiatif sumber manusia dan keberkesanan CPD. Akhir sekali kajian ini akan

mengkaji adakah peranan sumber manusia yang paling dominan dapat mengantara (mediate) hubungan antara penglibatan pengurus lini dan keberkesanan CPD.

1.6 Objektif Kajian

Objektif yang dicadangkan untuk kajian ini ialah:

- i. Untuk mengenal pasti tahap faktor-faktor penglibatan pengurus lini dalam melaksanakan inisiatif sumber manusia.
- ii. Untuk mengkaji peranan sumber manusia yang dominan di kalangan pengurus lini.
- iii. Untuk mengkaji hubungan signifikan antara faktor-faktor penglibatan pengurus lini dalam inisiatif sumber manusia dan keberkesanan CPD.
- iv. Untuk mengkaji adakah peranan sumber manusia dapat mengantara (mediate) hubungan antara faktor-faktor penglibatan pengurus lini dan keberkesanan CPD.

1.7 Hipotesis Kajian

Hipotesis kajian yang dibangunkan adalah berdasarkan kajian literatur dalam Bab 2.

- H₁: Terdapat hubungan yang signifikan antara keinginan pengurus lini untuk terlibat dalam inisiatif sumber manusia dan keberkesanan CPD.
- H₂: Terdapat hubungan yang signifikan antara efikasi sendiri di kalangan pengurus lini dalam melaksanakan inisiatif sumber manusia dan keberkesanan CPD.
- H₃: Terdapat hubungan yang signifikan antara sokongan sumber manusia kepada pengurus lini dalam melaksanakan inisiatif sumber manusia dan keberkesanan CPD.

- H₄: Peranan sumber manusia (rakan kongsi strategik) dapat mengantara hubungan antara faktor-faktor penglibatan pengurus lini dalam inisiatif sumber manusia (keinginan) dan keberkesanan CPD.
- H₅: Peranan sumber manusia (rakan kongsi strategik) dapat mengantara hubungan antara faktor-faktor penglibatan pengurus lini dalam inisiatif sumber manusia (efikasi sendiri) dan keberkesanan CPD.
- H₆: Peranan sumber manusia (rakan kongsi strategik) dapat mengantara hubungan antara faktor-faktor penglibatan pengurus lini dalam inisiatif sumber manusia (sokongan sumber menuasia) dan keberkesanan CPD.
- H₇: Peranan sumber manusia (pakar pentadbiran) dapat mengantara hubungan antara faktor-faktor penglibatan pengurus lini dalam inisiatif sumber manusia (keinginan) dan keberkesanan CPD.
- H₈: Peranan sumber manusia (pakar pentadbiran) dapat mengantara hubungan antara faktor-faktor penglibatan pengurus lini dalam inisiatif sumber manusia (efikasi sendiri) dan keberkesanan CPD.
- H₉: Peranan sumber manusia (pakar pentadbiran) dapat mengantara hubungan antara faktor-faktor penglibatan pengurus lini dalam inisiatif sumber manusia (sokongan sumber manusia) dan keberkesanan CPD.
- H₁₀: Peranan sumber manusia (juara pekerja) dapat mengantara hubungan antara faktor-faktor penglibatan pengurus lini dalam inisiatif sumber manusia (keinginan) dan keberkesanan CPD.
- H₁₁: Peranan sumber manusia (juara pekerja) dapat mengantara hubungan antara faktor-faktor penglibatan pengurus lini dalam inisiatif sumber manusia (efikasi sendiri) dan keberkesanan CPD.
- H₁₂: Peranan sumber manusia (juara pekerja) dapat mengantara hubungan antara faktor-faktor penglibatan pengurus lini dalam inisiatif sumber manusia (sokongan sumber manusia) dan keberkesanan CPD.
- H₁₃: Peranan sumber manusia (ejen perubahan) dapat mengantara hubungan antara faktor-faktor penglibatan pengurus lini dalam inisiatif sumber manusia (keinginan) dan keberkesanan CPD.
- H₁₄: Peranan sumber manusia (ejen perubahan) dapat mengantara hubungan antara faktor-faktor penglibatan pengurus lini dalam inisiatif sumber manusia (efikasi sendiri) dan keberkesanan CPD.

H₁₅: Peranan sumber manusia (ejen perubahan) dapat mengantara hubungan antara faktor-faktor penglibatan pengurus lini dalam inisiatif sumber manusia (sokongan sumber manusia) dan keberkesanan CPD.

1.8 Kepentingan Kajian

Kajian ini dijangka membantu dalam menghasilkan model kajian yang baru iaitu dengan mengukur peranan sumber manusia sebagai pengantara bagi hubungan antara faktor-faktor penglibatan pengurus lini dalam inisiatif sumber manusia dan keberkesanan CPD. Walaupun terdapat banyak kajian mengenai perubahan peranan pengurus lini untuk menyokong pembangunan sumber manusia namun pada hakikatnya pelaksanaan idea ini tidak disokong dengan kajian serta data empirikal. Di samping itu, hubungan antara sokongan pengurus lini dan proses pembangunan dan pembelajaran pekerja hanya diuji secara kualitatif. Oleh yang demikian, terdapat keperluan yang meyakinkan untuk penyelidikan kuantitatif untuk mengkaji dan mengenal pasti tahap faktor-faktor penglibatan pengurus lini dalam inisiatif sumber manusia dan mengkaji hubungannya dengan keberkesanan CPD. Selain itu, kajian ini juga mengkaji peranan sumber manusia yang dominan di kalangan pengurus lini. Akhir sekali kajian ini akan mengkaji adakah peranan sumber manusia menjadi perantara (mediate) hubungan antara penglibatan pengurus lini dalam inisiatif sumber manusia dan keberkesanan CPD.

1.9 Skop Kajian

Kajian ini akan memberi tumpuan kepada pengurus lini dengan gred N41, N44, N48, N52 dan N54 dari Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Skudai. Pengurus lini di UTM juga dikenali dengan jawatan Penolong Pendaftar. Pengurus lini UTM merupakan pengurus yang mempunyai hubungan langsung dengan staf di bawah seliaan mereka.

Selain itu kajian ini juga akan memberi tumpuan terhadap hubungan pengurus lini dengan peranan sumber manusia dan keberkesanan CPD. Ini adalah kerana pengurus lini ialah individu yang memainkan peranan dalam melaksanakan peranan-peranan sumber manusia dan CPD di tempat kerja.

Anggaran bilangan pengurus lini dengan gred N41, N44, N48, N52 dan N54 di Universiti Teknologi Malaysia adalah seramai 136 orang.

1.10 Batasan Kajian

Kajian ini hanya melibatkan pengurus lini dengan gred N41, N44, N48, N52 dan N54 di mana pengurus lini dalam skim perjawatan yang lain seperti skim S, skim F, skim W dan skim J dikecualikan daripada kajian ini. Ini adalah kerana pengurus lini skim N merupakan pengurus yang terlibat secara langsung dengan aktiviti serta peranan sumber manusia. Selain itu, pengurus lini skim lain lebih menjurus dalam aktiviti berasaskan kemahiran teknikal dan pengkhususan di bawah skim yang berkaitan.

Kajian ini juga hanya dijalankan di Universiti Teknologi Malaysia, Skudai tanpa melibatkan Institut Pengajian Tinggi Awam yang lain kerana faktor masa yang terhad dalam menyiapkan kajian. Pengecilan skop kajian juga dijangka membantu dalam meningkatkan kepercayaan dan kesahan data.

1.11 Definisi Konseptual dan Operasional

1.11.1 Pengurus Lini

Hales (2005) mendefinisikan 'pengurus lini barisan hadapan' ialah jawatan dalam sektor kerja yang mewakili staf pengurusan yang menerima laporan terus daripada staf bawahan mereka. Begitu juga, Kamus Oxford (2009) juga telah menerangkan pengurus lini sebagai seorang yang mempunyai tanggungjawab pengurusan secara langsung dengan pekerja. Manakala Kamus Dewan Edisi Keempat pula mentakrifkan pengurus lini sebagai pengurus yang bertanggungjawab merancang, mengurus, mengeluarkan dan memasarkan produk atau perkhidmatan sesebuah organisasi.

1.11.2 Efikasi Kendiri

Andi Audrayanah (2007) mendefinisikan efikasi kendiri sebagai pertimbangan seseorang mengenai kemampuannya mengelola dan melaksana tindakan-tindakan yang perlu untuk mencapai prestasi yang telah ditetapkan. Ia juga bermaksud kepercayaan atau keyakinan seseorang itu dalam melaksanakan tingkah lakunya untuk mencapai sesuatu maksud dengan jayanya.

1.11.3 Peranan Sumber Manusia

'Peranan' dalam kajian ini ialah peranan yang dilaksanakan oleh pengurus lini dalam melaksanakan tugas-tugas sumber manusia. Ulrich (1997) telah mengadaptasikan definisi peranan bagi menyesuaikan dengan terma peranan sumber manusia. Ini adalah kerana konsep peranan sumber manusia yang diketengahkan oleh Ulrich yang menyatakan bahawa 'peranan' yang merupakan

sebahagian tugas ataupun satu set tingkah laku di mana pengurus lini perlu capai dalam melaksanakan tugas-tugas sumber manusia. Oleh yang demikian, empat peranan yang diadaptasikan dari model Ulrich (1997) adalah:

- (a) Rakan kongsi strategik
- (b) Pakar pentadbiran
- (c) Juara Pekerja
- (d) Agen Perubahan

Manakala Anubama *et al.*, (2011) menyatakan peranan ialah corak tingkah laku sosial yang menyeluruh serta diiktiraf bagi membolehkan ia dipraktikkan oleh individu dalam masyarakat. Ia juga berfungsi sebagai satu strategi untuk menghadapi situasi yang berulang.

1.11.4 Inisiatif Sumber Manusia

Menurut Ivanovic (2006) sumber manusia dibahagikan kepada dua bidang khusus yang saling berkait rapat tetapi mempunyai peranan yang berbeza, iaitu pengurusan sumber manusia dan pembangunan sumber manusia.

Dalam konteks definisi operasi, inisiatif sumber manusia bermaksud daya usaha peringkat awal yang diambil oleh staf atau pekerja sesebuah organisasi dalam melakukan sesuatu tindakan atau perbuatan yang dipertanggungjawabkan ke atasnya dalam bidang sumber manusia. Dalam bahasa yang lebih mudah inisiatif sumber manusia adalah usaha untuk melaksanakan aktiviti sumber manusia di tempat kerja.

1.11.5 Sokongan Sumber Manusia

Sokongan sumber manusia merujuk kepada sokongan oleh jabatan dan pegawai sumber manusia sumber manusia dalam melaksanakan aktiviti dan peranan

sumber manusia di tempat kerja. Sokongan ini juga merujuk kepada bantuan yang diberikan kepada pengurus lini dalam menjalankan tanggungjawab yang diamanahkan.

1.11.6 Efikasi Kendiri

Efikasi kendiri pengurus lini dirujuk sebagai kepercayaan seseorang pengurus terhadap kebolehnya sebagai pengurus. Bandura (1986) menyatakan efikasi kendiri mempengaruhi prestasi dengan meningkatkan usaha dan kecekalan. Andi Audrayanah (2007) pula mendefinisikan efikasi kendiri sebagai pertimbangan seseorang mengenai kemampuannya mengelola dan melaksana tindakan-tindakan yang perlu untuk mencapai prestasi yang telah ditetapkan. Ia juga bermaksud kepercayaan atau keyakinan seseorang itu dalam melaksanakan tingkah lakunya untuk mencapai sesuatu maksud dengan jayanya.

Individu yang mempunyai efikasi kendiri tinggi bekerja lebih rajin dan mampu bekerja dalam tempoh yang lama dibandingkan dengan individu yang mempunyai efikasi kendiri yang rendah (Wood dan Bandura, 1989). Efikasi kendiri dalam kajian ini memberi fokus kepada pertimbangan pengurus lini mengenai kemampuannya dalam menjalankan inisiatif dan peranan sumber manusia.

1.11.7 Pembangunan Profesional Berterusan (CPD)

Madden dan Mitchell (1993), salah satu perintis CPD telah memberi takrif CPD; iaitu penyelenggaraan dan peningkatan pengetahuan dan kemahiran profesional sepanjang kerjaya, dengan mengambil kira keperluan profesional, majikan, pekerjaan dan masyarakat. Penyeragaman keperluan peribadi (individu) dan kecekapan organisasi adalah penting dalam memastikan pelaksanaan CPD yang berjaya. Bowell (2000) mendefinisikan CPD sebagai satu inisiatif untuk mengemaskinikan pengetahuan profesional di seluruh pekerjaan. Inisiatif bersama

antara kedua-dua pekerja dan majikan adalah perlu dalam proses pelaksanaan dan pencapaian CPD.

Manakala Wall dan Ahmed (2008) menyatakan bahawa CPD adalah suatu aktiviti atau program untuk membaiki tahap profesionalisma individu dari aspek pengetahuan, kemahiran dan keupayaan untuk membangunkan kerjaya pekerja tersebut untuk mencapai keperluan individu dan organisasi.

Pada hakikatnya, UTM tidak menggunakan nama CPD secara formal dalam melaksanakan program pembangunan staf. Namun menurut Timbalan Pendaftar, Bahagian Pembangunan Modal Insan, En. Jalel Maulani, UTM sebenarnya telah menggunakan pendekatan CPD dalam merangka dan melaksanakan program pembangunan staf. Program yang dimaksudkan oleh beliau adalah seperti Program Pembangunan Kerjaya (*successor planning*), Program Latihan Staf, Penilaian Tahap Kecekapan (telah dimansuhkan), *Global Outreach Programme* (GOP) dan Program Pembelajaran Sepanjang Hayat.

Manakala menurut Gibb (2003), kajian mengenai hubungan pengurus lini dan CPD pula mendedahkan bahawa pengurus lini bukan sahaja perlu bertindak sebagai pakar sumber manusia, tetapi juga perlu terlibat dalam menguruskan CPD staf untuk memastikan pelaksanaan yang berjaya. Malah, konsep kejurulatihan juga dilihat sebagai sumber CPD tidak formal, di mana pengurus lini adalah individu yang dipertanggungjawabkan untuk menjadi jurulatih. Bukan itu sahaja, pengkaji juga berpendapat bahawa pengurus lini juga mempunyai peranan sebagai pendorong, dalam aspek pembelajaran dan pembangunan pekerja.

1.12 Kesimpulan

Pembangunan modal insan sentiasa menjadi subjek tumpuan dalam perancangan strategik Malaysia. Di dalam Rancangan Malaysia ke-10, aspek pembangunan modal insan telah diberi tumpuan dengan penekanan terhadap konsep pembelajaran sepanjang hayat serta konsep CPD. Ia selaras dengan pandangan

